

ANALISIS PENCAPAIAN *HIFZ AL-NASAB* TERHADAP ENAKMEN KESALAHAN JENYAH SYARIAH BERDASARKAN KAEDAH FUZZY DELPHI

Analysis of *Hifz al-Nasab*' Achievements on the Shariah Criminal Offenses Enactment Based on the Fuzzy Delphi Method

Wan Mohd Amjad Wan Halim*
Rohani Desa**

ABSTRACT

Islam is a religion that upholds the values of security, well-being and prosperity. Similarly, punishment in syariah is stipulated to preserve human welfare. The Syariah Criminal Offenses Enactment has been provided to curb the problems and issues of syariah crime in Malaysia. The maximum punishment for adultery and crimes that can lead to adultery such as "muncikari" (pimp) and khalwat (close proximity) in the Syariah Criminal Offenses Enactment is generally three years imprisonment, six lashes and a fine of RM5,000. Looking at the cases involving

* PhD Candidate, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic University (UniSHAMS) Kuala Ketil Campus, Kedah. oneamjad1993@gmail.com

** Senior Lecturer, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic University (UniSHAMS) Kuala Ketil Campus, Kedah. rohanidesa@unishams.edu.my

syariah criminal offenses, especially crimes involving adultery, it is more worrying. The proof can be seen based on the statement by the then Minister of Women and Community Development, Datuk Seri Rohani Abdul Karim in 2017 that more than half a million illegitimate children are registered with the National Registration Department. Therefore, this paper aims to examine the consensus of expert groups on the achievement of maqāṣid al-sharī'ah, especially ḥifz al-nasab in the maximum punishment. The researcher adopted the Fuzzy Delphi analysis method by conducting a survey on 20 expert informants to get consensus from them. This study also contains one element consisting of six items to obtain consensus from study experts. The study concluded that 20 informants of the study experts agreed that the maximum sentence of 3 years imprisonment, 6 lashes and a fine of RM5,000 did not comply with maqāṣid al-sharī'ah, especially the maslahah of ḥifz al-nasab. This agreement involves punishment for the offenses of adultery, qazaf (false accusation of adultery), prostitution, pimp, khalwat, sodomy and musahaqah (sexual intercourse between two women). The group of study experts gave a consensus that the punishment is too low to curb the crime and therefore it does not achieve maqāṣid al-sharī'ah. Therefore, punishments that are more in line with the essence of maqāṣid al-sharī'ah should be implemented such as the enforcement of hudud or at least the implementation of bill 355 proposed amendments in 2021 (thirty years imprisonment, fine of RM100,000 and one hundred lashes).

Keywords: *ḥifz al-nasab, maqāṣid al-sharī'ah, consensus, Fuzzy Delphi*

PENGENALAN

Situasi masalah jenayah syariah dalam kalangan umat Islam di Malaysia amat membimbangkan kerana ia semakin mencatatkan peningkatan.¹ Perkara tersebut merupakan masalah yang amat kompleks terutamanya bagi kesalahan berkaitan jenayah zina. Perkara ini berpunca daripada pelbagai faktor seperti pergaulan bebas, pengaruh rakan sebaya dan kelemahan sistem tarbiah dan sifat ingin tahu.² Menurut mantan Menteri Pembangunan Wanita dan Masyarakat Rohani Abdul Karim, sebanyak setengah juta anak tidak sah taraf yang beragama Islam telah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara sehingga tahun 2016.³ Berdasarkan data tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 51,000 kes ibu hamil anak luar nikah setahun dan 150 kes sehari anak tidak sah taraf didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara.⁴ Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, sebanyak 18,465 kes telah didaftarkan di Klinik Kesihatan Negeri di seluruh Malaysia bagi kes remaja yang hamil anak luar nikah sepanjang tahun 2014 hingga 2018.⁵ Pada tahun 2019 hingga Januari 2020 telah direkodkan seramai 25,567 anak tidak sah taraf didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

¹ Muhammad. "Jenayah Syariah Semakin Berleluasa." *Sinar Harian*, 2 November 2021, www.sinarharian.com.my/article/170112/BERITA/Nasional/Jenayah-syariah-semakin-berleluasa. Dicapai pada 14 Mac. 2022.

² Ab Razak, Ma Razhanlaily & Salasiah Hanin Hamjah, "Faktor zina dan kesannya dalam kehidupan remaja," *Jurnal Sains Insani* (2017), 1-9.

³ Rohani Abdul Karim, 2016, Setengah juta anak tidak sah taraf, dicapai pada 13 Mac 2022, melalui laman sesawang: <https://api.hmetro.com.my/node/180793>.

⁴ Zainur Rashid Zainuddin, "150 kes sehari! Isu ibu hamil luar nikah semakin barah," dicapai pada 10 Mac 2022, melalui laman sesawang: <https://ismaweb.net/2020/12/27/150-kes-sehari-isu-ibu-hamil-luar-nikah-semakin-barah/>

⁵ Sinar Harian. "*Statistik Remaja Hamil.*" *Sinar Harian*, 4 Mac 2019, www.sinarharian.com.my/article/16145/INFOGRAFIK/Statistik-remaja-hamil. Dicapai pada 13 Mac. 2022.

Isu zina di negara ini adalah perkara yang amat serius. Hal ini demikian kerana, terdapat banyak kes jenayah zina yang berlaku di negara ini. Sebagai contoh, sebanyak 1500 kes telah didaftarkan di Mahkamah Syariah negeri Johor berikutan kesalahan khalwat dan persetubuhan luar nikah pada tahun 2017.⁶ Data keseluruhan kes berkaitan jenayah syariah termasuk khalwat, persediaan melakukan persetubuhan dan muncikari yang telah didaftarkan di negeri Johor ialah sebanyak 8,106 kes bagi sepanjang tahun 2018 hingga April 2022.⁷

Lebih menyedihkan apabila kes jenayah zina yang berlaku juga tidak terkecuali melibatkan golongan yang sudah berkahwin seperti kes khalwat yang berlaku di negeri Kedah yang mana salah seorangnya sudah berumahtangga.⁸ Begitu juga kes khalwat bagi pasangan yang belum berkahwin.⁹ Di Terengganu pula, direkodkan sebanyak 503 kes bagi kesalahan persediaan persetubuhan luar nikah dan sebanyak 3,726 bagi kes khalwat sepanjang tempoh tahun 2017 hingga tahun 2021.¹⁰ Isu tersebut semakin merancak apabila wujudnya aplikasi sosial seperti *TikTok* yang mana sebahagian umat Islam tidak lagi segan silu menari dan memaparkan susuk tubuh badan. Lebih parah lagi apabila tindakan tersebut boleh mengundang perbuatan jenayah terutamanya bagi

⁶ Mohd Hafiz Abdul Rahman, “*Masih ramai yang berzina.*” Dicapai pada 6 Mac 2022, melalui laman sesawang: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/11/279818/masih-ramai-yang-berzina>

⁷ Jabatan Kehakiman Syariah Johor, Statistik Kes Jenayah Syariah Negeri Johor Tahun 2018-2022.

⁸ Zuliaty Zulkiffli. “*Pasangan Baru Kenal Dua Bulan Dicekup Berkhalwat.*” *Berita Harian*, Berita Harian, 11 Aug. 2021, www.bharian.com.my/berita/kes/2021/08/849744/pasangan-baru-kenal-dua-bulan-dicekup-berkhalwat. Dicapai pada 13 Mac. 2022.

⁹ Anwar Shariffudin. “*Pasangan Dicekup Khalwat Bagi Alasan Mahu Rehat Sekejap.*” *Sinarharian*, sinarharian, 22 Dec. 2020, www.sinarharian.com.my/article/115863/EDISI/Pasangan-dicekup-khalwat-bagi-alasan-mahu-rehat-sekejap. Dicapai pada 13 Mac. 2022.

¹⁰ Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu, Statistik Pendaftaran Kes Jenayah Mengikut Kes Dari Tahun 2016 Sehingga 2021 Bagi Negeri Terengganu.

kes jenayah oleh pemangsa pedofil.¹¹ Oleh sebab itu, jenayah zina ini perlu dibanteras daripada akar umbi. Menurut Zainul Rijal, jenayah zina perlu ditangani dengan kerjasama oleh semua pihak. Hal ini demikian kerana, jenayah ini boleh mengakibatkan berlakunya jenayah yang lain seperti pembuangan bayi.¹²

Berdasarkan peruntukan di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah bagi kesalahan yang berkaitan peruntukan kesusilaan seperti khalwat, qazaf, persetubuhan luar nikah, muncikari, pelacuran, liwat dan *musahaqah* diperuntukan dengan hukuman yang agak ringan. Sebagai contoh, hukuman maksimum bagi kesalahan percubaan persetubuhan haram bagi Enakmen Kesalahan Jenayah Syari'ah Negeri Melaka, 1991 adalah denda RM5,000, penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.¹³ Begitu juga bagi kesalahan percubaan melacurkan isteri atau anak perempuan yang mana hukuman maksimum bagi kesalahan tersebut ialah denda RM5,000, penjara tiga tahun, 6 kali sebatan atau kedua-duanya sekali. Pengkaji melihat bahawa hukuman tersebut agak ringan sekiranya dibandingkan dengan hukuman yang diperuntukkan dalam hukuman menurut syarak justeru kajian ini bertujuan mendapatkan konsensus pakar kajian terhadap pencapaian *hifz al-nasab* dalam peruntukan hukuman tersebut. Perkara ini berbeza dengan peruntukan bagi kesalahan rogol dalam kanun keseksaan yang memperuntukkan hukuman yang lebih berat. Sebagai contoh, berdasarkan seksyen 375 kanun keseksaan bagi kesalahan rogol di bawah seksyen 376(1) memperuntukkan hukuman penjara 20 tahun serta hukuman sebat.¹⁴

¹¹ Ruziana Masiran. "Budak 'Bertiktok' Boleh Jadi Ketagih, Sasaran Pedofil." *Harian Metro*, New Straits Times, June 2021, www.hmetro.com.my/rencana/2021/06/712508/budak-bertiktok-boleh-jadi-ketagih-sasaran-pedofil. Dicapai pada 13 Mac. 2022.

¹² Zainul Rijal. "Membanteras Zina Tanggungjawab Bersama." *Sinar Harian*, 7 Feb. 2019, www.sinarharian.com.my/article/11702/KOLUMNIS/banteras-zina. Dicapai pada 13 Mac. 2022.

¹³ Seksyen 52, Enakmen 6 Tahun 1991, Enakmen Kesalahan Syari'ah, Negeri Melaka

¹⁴ Acts 574. Laws of Malaysia. Penal Code. Pindaan 2017. Seksyen 376(1).

Sorotan Literatur

Ḥifẓ al-nasl merupakan salah satu komponen dalam perbahasan *maqāṣid al-sharī'ah* menerusi konsep masalah *al-darūriyyāt al-khams*.¹⁵ *Maqāṣid al-sharī'ah* atau matlamat bagi hukum syarak sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Ghazzali adalah melalui pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.¹⁶ *Maqāṣid* dilihat pada maksud bahasa ada beberapa makna antaranya; jalan yang istiqamah, meminta diberikan sesuatu, menghadirkan sesuatu, sesuatu yang haq, adil atau meletakkan sesuatu pada tempatnya.¹⁷ Perkataan *maqāṣid* juga adalah kata jamak daripada perkataan *maqṣad* yang membawa tujuan atau kehendak.¹⁸ Istilah *maqāṣid al-sharī'ah* secara umumnya dapat diertikan sebagai matlamat disyariatkan sesuatu hukum, objektif, tujuan dan rahsia hukum syarak.¹⁹

Islam meletakkan panduan yang amat signifikan khususnya terhadap konsep *ḥifẓ hal-nasab*. Hal ini demikian kerana syariat ini sangat menekankan penjagaan keabsahan keturunan. Dalam hal ini, terdapat dua istilah yang digunakan bagi merujuk kepada pemeliharaan keturunan. Pertama, *al-nasl* yang bermaksud zuriat atau anak. Apabila dikatakan sesuatu kaum beranak-pinak maka apa yang dimaksudkan ialah keturunan yang ramai.²⁰ Kalimah *al-*

¹⁵ Hafifi Hassim, “*Ḥifẓ al-Nasb: Analisis Terhadap Peruntukan Kesalahan Tatasusila dalam Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia*,” *Jurnal Hal Ehwal Warisan Islam* (2017), 3-4.

¹⁶ Al-Ghazālī, Abū Ḥamīd. *al-Mustaṣfā min 'Ilm al-Uṣūl*, vol. 1, ed. ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2008), 174.

¹⁷ Muḥammad bin Ya‘qūb al-Fīrūz al-Abadī, *al-Qāmūs al-Muḥīt* (Bayrūt: Mu‘assasah al-Risālah, 1971), 521; Sayyid Muḥammad Murtaḍā al-Ḥusaynī al-Zabidī, *Tāj al-‘Arus min Jawāhir al-Qāmūs* (Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1971), 35.

¹⁸ Al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr* (Qāhirah: Mu‘assasah al-Mukhtār, 2008), 304-305.

¹⁹ Paizah Ismail, “Keperluan Memahami Maqāṣid al-Sharī’ah dalam Membina Fiqh Semasa,” Makalah, Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2003), 13.

²⁰ Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab* (Bayrūt: Maktabah Tahqīq al-Turāth, 1993).

nasl terdapat di dalam al-Qur'an seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan apabila ia berpaling (dari kamu), ia berjalan di bumi untuk melakukan kerosakan padanya, dan merosakkan tanaman (*al-hirth*) dan binatang ternakan (*al-nasl*).”²¹

Ibn 'Asyur berkata bahawa perkataan *al-hirth* dalam ayat di atas merujuk kepada tanaman manakala *al-nasl* pula membawa maksud ternakan. Kerosakan ke atas dua perkara tersebut adalah simbolik (*kināyah*) kepada kehancuran kepada pemeliharaan dan pemuliharaan kepada umat manusia.²² Gabungan daripada *hifz* dan *al-nasl* dapat diertikan sebagai pemeliharaan dan pemuliharaan kepada keturunan, cahaya mata, zuriat dan kesinambungannya (*muwālāt*). Zuriat dan keturunan adalah pemberian Allah SWT sebagai salah satu nikmat untuk dimakmurkan. Selain istilah *hifz al-nasl*, istilah kedua yang dibahaskan oleh para ulama berhubung konsep ini adalah *hifz al-nasab*. Para ulama membezakan di antara kedua istilah ini.²³ Ibn 'Asyur mengulas lanjut bahawa maksud *hifz al-nasl* ialah pemeliharaan ke atas perkara yang memungkinkan pertambahan zuriat dan keturunan. Sebagai contoh, mengelakkan daripada terpotongnya zakar dan menjaga organ-organ seperti rahim bagi wanita. Hal ini demikian kerana, tanpa perkara tersebut pada akalnya tidak mungkin berlaku pertambahan zuriat. Sementelahan *hifz al-nasab* pula pemeliharaan kepada keturunan dari sudut kelegitimasian sesuatu zuriat menurut hukum syarak. Dalam hal ini, Allah SWT mensyariatkan hukum berkaitan nikah.²⁴

Menurut al-Syatibi, pelaksanaan hukuman jenayah dalam Islam merujuk kepada seruan Allah SWT kepada perkara makruf dan mencegah daripada melakukan perbuatan yang mungkar meliputi

²¹ Al-Qur'an, surah al-Baqarah ayat 205.

²² Ibn 'Ashūr, Muḥammad al-Ṭāhir, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, vol. 2 (Tunisia: Dār Sahn, 1997), 254-253.

²³ Jida' Rajab Siyām, Najm al-Dīn Qadīr Karīm, *Maqṣad Hifz al-Nasl wa Athāruhu fī Takyīf al-Mustajadat al-Ṭabīyyah fī al-Fiqh al-Islāmī* 15, no. 2 (Dubai: Majallah Jami'ah al-Shariqah, 2018), 74.

²⁴ Ibn 'Ashūr, Muḥammad al-Ṭāhir, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islamiyah*, ed. Muḥammad al-Ḥabīb (Qatar: Wizārah al-Waqf wa al-Shu'ūn al-Islāmīyah, 2004), 305.

pemeliharaan kepada *al-darūriyyāt al-khams* dalam *maqāsid al-sharī'ah*.²⁵ Di samping itu, jenayah zina dan qazaf merupakan salah satu daripada peruntukan yang terdapat dalam kesalahan hudud.²⁶ Hukuman hudud mempunyai *maqāsid al-sharī'ah* yang signifikan kerana hukuman tersebut dapat menghalang dan mencegah seseorang daripada melakukan jenayah tersebut.²⁷ Al-Zuhaili menjelaskan bahawa *maqāsid al-sharī'ah* dalam hukuman hudud adalah bertujuan sebagai amaran dan pencegahan. *Maqāsid al-sharī'ah* dalam pelaksanaan hukuman hudud juga adalah untuk menakutkan dan mencegah manusia daripada melakukan perbuatan jenayah. Sekiranya penjenayah dikenakan hukuman hudud, maka hukuman tersebut bertujuan mencegah pelakunya daripada mengulangi perbuatan jenayah tersebut.²⁸ Selain itu menurut Ibnu 'Asyur, *maqāsid al-sharī'ah* dalam pelaksanaan hukuman hudud ialah untuk mendidik pelaku jenayah, mententeramkan hati mangsa jenayah dan menghalang perbuatan jenayah daripada diulangi oleh sesiapa pun.²⁹

Hikmah daripada pelaksanaan hukuman hudud juga dapat mengurangkan kadar jenayah daripada berlaku kerana hukuman ini bertujuan melindungi masyarakat daripada sebarang bentuk jenayah kerana hukuman ini dapat membasmi jenayah sebanyak mungkin.³⁰ Sekiranya dinilai dari sudut pandang *maqāsid al-sharī'ah*, jenayah zina merupakan satu tindakan

²⁵ al-Shāṭibī, Abī Ishāq, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, vol. 2 (Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2006) 2:266.

²⁶ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *al-Tashrī' al-Jinā'ī al-Islāmī Muqāran bi al-Qānūn al-Waḍ'ī*, vol. 2, cetakan ke-14 (Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 2000), 2: 344-345.

²⁷ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, vol. 7, terj. Abdul Hayyie Al-Kattani, ed. Arif Muhajir. Jakarta: t.p., 2011), 257-258.

²⁸ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, vol. 7 (Dimashq: Dar al-Fikr, 1989), 24.

²⁹ Muhammad al-Tahir Ibnu Asyur, 2007, *Maqasid al-Shar'iah al-Islamiyyah*, (Tunisia: Dar al- Syuhun, 2007), 205.

³⁰ Syed Abdullah Syed Osman. 2019. Manfaat Perundangan Islam Basmi Jenayah. 2019. Berita Harian. Berita Harian. February 26, 2019. <https://www.bharian.com.my/rencana/surat-pembaca/2019/02/535061/manfaat-perundangan-islam-basmi-jenayah>.

yang membinasakan nasab keturunan.³¹ Oleh sebab itu, Allah S.W.T memperuntukkan hukuman yang berat bagi jenayah zina iaitu 100 kali sebatan bagi belum berkahwin (*ghayr muḥṣan*) dan rejam menggunakan batu sampai mati bagi pesalah sudah berkahwin (*muḥṣan*).³² Selain itu, kesalahan khalwat juga boleh diperuntukkan dengan hukuman bagi mencegah perbuatan zina. Pelaksanaan hukuman bagi kesalahan khalwat merupakan tunjang kepada pencegahan jenayah zina. Penguatkuasaan hukuman khalwat juga amat penting bagi mengelakkan berlakunya masalah sosial lain yang lebih besar seperti hamil anak luar nikah dan pembuangan bayi.

METODOLOGI KAJIAN

Makalah ini mengkaji persepakatan kumpulan pakar terhadap pencapaian *maqāṣid al-sharī'ah* khususnya *hifz al-nasab* atau *hifz al-nasl* dalam hukuman maksimum tersebut Bagi menjayakan objektif kajian, menggunakan analisis kaedah Fuzzy Delphi. Kaedah *Fuzzy Delphi* adalah modifikasi dengan penambahbaikan daripada kaedah *Delphi*. Kaedah Fuzzy Delphi merujuk kepada satu manhaj bagi mendapatkan persetujuan dan persepakatan sekumpulan pakar dalam sesuatu bidang berkenaan sesuatu isu. Setelah konsensus pakar diperolehi sama ada melalui soal selidik atau temu bual, persetujuan tersebut pula diterjemahkan dalam bentuk kuantitatif supaya menatijahkan kajian yang berbentuk empirikal.³³ Pengkaji juga telah melaksanakan temu bual bagi mendapatkan data yang lebih tuntas. Melalui kaedah temu bual pula, pengkaji menggunakan soalan separa berstruktur dengan menggunakan soalan terbuka tetapi berfokus kepada tajuk bagi mendapatkan jawapan daripada informan berdasarkan pandangan

³¹ Zainul Rijal, "Pengharaman Khalwat Cegah Zina," *Sinarharian*, *sinarharian*, 26 Apr. 2019, www.sinarharian.com.my/article/25370/KOLUMNIS/Pengharaman-khalwat-cegah-zina. Dicapai pada 14 Mac. 2022.

³² Muṣṭafā al-Khīn et al., *al-Fiqh al-Manhajī 'ala Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī*, vol. 8 (t.p.: Pustaka Salam, 2010), 1833-1835.

³³ Mohd Ridhuan Mohd Jamil, *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan* (Shah Alam: Qaisar Prestige Resources, 2021), 93.

dan pendirian mereka sendiri.

Bagi kaedah temu bual yang dijalankan, pengkaji menggunakan soalan separa berstruktur. Soalan yang dikemukakan kepada informan ialah mengenai pandangan mereka terhadap peruntukan hukuman berkaitan kesusilaan seperti jenayah zina, khalwat, liwat, musahaqah dan pelacuran di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia. Kesalahan ini dipilih kerana peruntukan bagi berkaitan kesusilaan yang terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia sebahagian besarnya mempunyai peruntukan kesalahan yang sama dengan jenayah hudud terutama bagi jenayah zina dan qazaf. Pengkaji juga mengemukakan soalan berkaitan pendirian mereka terhadap pencapaian *maqāṣid al-sharī'ah* dalam implementasi hukuman tersebut. Kayu ukur yang diambil dalam penentuan pencapaian *maqāṣid al-sharī'ah* ialah berdasarkan masalah *al-darūriyyāt al-khams* dengan hukuman asal iaitu hudud. Data yang diperolehi melalui temu bual ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan yang telah dibahagikan mengikut tema dan sub tema yang telah disahkan oleh pakar kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan soal selidik dan memilih penggunaan skala 7 likert yang merangkumi seperti jadual berikut:

Jadual 1: Skala Likert 7 Mata

Skala Likert 7						
1.Teramat tidak setuju	2.Sangat tidak setuju	3.Tidak setuju	4.Sederhana setuju	5.Setuju	6.Sangat setuju	7.Teramat setuju

Justifikasi pengkaji memilih skala likert 7 ialah untuk mengurangkan kadar kekaburan atau nilai fuzzy berbanding skala likert 5. Sebagai contoh, bagi kajian yang menggunakan soal selidik skala 5 likert iaitu skala 5 mewakili sangat setuju, skala 4 mewakili setuju, skala 3 mewakili sederhana setuju atau neutral, skala 2 mewakili tidak setuju dan skala 1 mewakili sangat tidak setuju. Walau bagaimanapun, skala likert 5 mata ini mempunyai

beberapa isu yang melibatkan ketidakpastian dan kekaburan seperti berikut.³⁴

- a) Berapakah peratusan persetujuan daripada sekumpulan pakar berdasarkan skala 5?
- b) Adakah skala 5 itu mewakili 100% persetujuan sekumpulan pakar?
- c) Kadar nilai kekaburan atau fuzzy lebih tinggi berbanding skala 7 likert.

Bagi menjayakan teknik analisis Fuzzy Delphi, pengkaji terlebih dahulu membangunkan soal selidik berdasarkan data daripada kajian kepustakaan seperti buku, artikel, jurnal, makalah, akhbar dan laman sesawang yang berkaitan. Data yang diperolehi tersebut disaring, dianalisis, ditafsir untuk dibangunkan soal selidik kepada pakar kajian. Soal selidik yang dibangunkan tersebut telah dilakukan semakan dan disahkan oleh tiga orang pakar kajian. Seterusnya, pengkaji telah mengenal pasti 20 pakar kajian yang dipilih berdasarkan kriteria penentuan pakar dalam kaedah Fuzzy Delphi iaitu mempunyai pengalaman minimum lima tahun dan bilangan minimum 10 orang pakar kajian.³⁵ Dua puluh pakar kajian yang telah dipilih dalam kajian ini kesemuanya memenuhi kriteria dan syarat pemilihan pakar berdasarkan kaedah analisis Fuzzy Delphi.

Jadual 2: Informan Kumpulan Pakar Kajian

Pakar	Jawatan	Bidang Kepakaran	Pengalaman
Pakar 1	Professor Madya	Syarī'ah Fiqh Usul	16-20 tahun
Pakar 2	Professor Madya	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 3	Professor Madya	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 4	Professor	Syarī'ah Fiqh Usul	16-20 tahun

³⁴ Mohd Ridhuan Mohd Jamil, *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*, 91.

³⁵ *Ibid.*, 65.

Pakar 5	Professor Madya	Syarī'ah Fiqh Usul	16-20 tahun
Pakar 6	Professor Madya	Syarī'ah & Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 7	Hakim Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 8	Hakim Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 9	Ketua Hakim Syarie Malaysia	Syarī'ah Undang-Undang	20 tahun ke atas
Pakar 10	Ketua Hakim Syarie Melaka	Syarī'ah Undang-Undang	20 tahun ke atas
Pakar 11	Hakim Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 12	Hakim Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	20 tahun ke atas
Pakar 13	Hakim Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	20 tahun ke atas
Pakar 14	Ketua Hakim Syarie Pahang	Syarī'ah Undang-Undang	20 tahun ke atas
Pakar 15	Peguam Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 16	Peguam Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	16-20 tahun
Pakar 17	Peguam Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 18	Peguam Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 19	Peguam Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun
Pakar 20	Peguam Syarie	Syarī'ah Undang-Undang	10-15 tahun

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa pakar kajian yang telah dipilih mempunyai kepakaran dan pengalaman yang signifikan dalam bidang masing-masing. Semua pakar kajian mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun. Seterusnya, semua kumpulan pakar kajian ini telah mengisi kaji selidik untuk menyatakan persetujuan mereka yang mengandungi skala likert 7 mata seperti yang dinyatakan pada jadual 1. Data yang diperolehi tersebut dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Excel* untuk diterjemahkan kepada data Fuzzy dan peratusan.

Jadual 3: Penafsiran skala 7 likert kepada skala Fuzzy Delphi

Aras Persetujuan	Skala Likert	Skala Fuzzy		
Teramat Setuju	7	0.9	1	1
Sangat Setuju	6	0.7	0.9	1
Setuju	5	0.5	0.7	0.9
Sederhana Setuju	4	0.3	0.5	0.7
Tidak Setuju	3	0.1	0.3	0.5
Sangat Tidak Setuju	2	0	0.1	0.3
Teramat Tidak Setuju	1	0	0	0.1

Sumber: Mohd Ridhuan Mohd Jamil, 2021, 117

Bagi kajian ini, pengkaji mengaplikasikan tiga syarat berdasarkan kaedah Fuzzy Delphi untuk mengesahkan setiap elemen, item dan sub item dalam soal selidik tersebut. Syarat satu dan dua terikat antara satu sama lain kerana ia berada dalam bahagian segitiga fuzzy (Triangular Fuzzy Numbers).³⁶ Syarat ketiga pula bertujuan menganalisis data melalui Proses Penilaian Fuzzy bagi mengenal pasti kedudukan dan keutamaan setiap elemen dan item dalam soal selidik. Melalui syarat pertama dalam kaedah Fuzzy Delphi ini pengkaji menggunakan nilai *Threshold, d* melalui kaedah rumus berikut:³⁷

Rajah 1: Rumusan kaedah kiraan nilai *threshold*

$$d(\tilde{m}, \tilde{n}) = \sqrt{\frac{1}{3} [(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}$$

Sumber: Mohd Ridhuan Mohd Jamil, 2021.

Selain itu, menerusi syarat dua pula pengkaji menganalisis kesepakatan sekumpulan pakar dengan kadar peratusan tidak

³⁶ Mohd Ridhuan Mohd Jamil, *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*, 106.

³⁷ Chen, CT, 2000, Extensions of the TOPSIS for Group Decision-Making Under Fuzzy Environment, *Fuzzy Sets and Systems*, 1-9; Cheng, C.H. & Lin, Y., "Evaluating the Best Main Battle Tank Using Fuzzy Decision Theory with Linguistic Criteria Evaluation," *European Journal of Operational Research* 142, no. 1 (2002), 74-86.

kurang daripada 75%. Perkara ini bermaksud sekiranya peratusan persetujuan sekumpulan pakar kurang daripada 75% maka elemen atau item tersebut dianggap tidak disepakati oleh sekumpulan pakar tersebut.³⁸

HASIL DAN PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, pakar kajian telah menyatakan persepakatan mereka berdasarkan elemen dan item berikut:

Jadual 4: Elemen *Ḥifz al-Nasl* dan setiap item

Bil.		Item
1.	Elemen: <i>Ḥifz al-Nasl</i>	“kadar hukuman 365 dalam EKJS di Malaysia bagi kesalahan zina TIDAK MENCAPAI tahap <i>Ḥifz al-Nasl</i> .”
2.		“kadar hukuman 365 dalam EKJS di Malaysia bagi kesalahan qazaf TIDAK MENCAPAI tahap <i>Ḥifz al-Nasl</i> .”
3.		“kadar hukuman 365 dalam EKJS di Malaysia bagi kesalahan pelacuran TIDAK MENCAPAI tahap <i>Ḥifz al-Nasl</i> .”
4.		“kadar hukuman 365 dalam EKJS di Malaysia bagi kesalahan Muncikari TIDAK MENCAPAI tahap <i>Ḥifz al-Nasl</i> .”
5.		“kadar hukuman 365 dalam EKJS di Malaysia bagi kesalahan liwat dan musahaqah TIDAK MENCAPAI tahap <i>Ḥifz al-Nasl</i> .”
6.		“kadar hukuman 365 dalam EKJS di Malaysia bagi kesalahan khalwat TIDAK MENCAPAI tahap <i>Ḥifz al-Nasl</i> .”

Jadual di atas menunjukkan item yang telah dimasukkan dalam kaji selidik. Kumpulan pakar kajian menyatakan persetujuan mereka terhadap pencapaian *maqāṣid al-sharī'ah* khususnya berkait masalah *ḥifz al-nasl* dalam hukuman Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia. Kumpulan pakar kajian menyatakan pendirian mereka berdasarkan skala likert 7 mata seperti yang telah dijelaskan pada jadual 1.

³⁸ Chu & Hwang, GJ, Delphi-Based Approach to Developing Expert System with Cooperation of Multiple Experts. *Experts System with Applications*, (2008), 26-40

Analisis Pencapaian *Hifz al-Nasab* Terhadap Enakmen Kesalahan
Jenayah Syariah Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi

Jadual 5: Nilai Threshold d setiap item

No.	Pakar Kajian/ Item	1	2	3	4	5	6
1.	Professor Madya	0.058	0.062	0.058	0.058	0.063	0.063
2.	Professor Madya	0.117	0.163	0.117	0.117	0.177	0.177
3.	Professor Madya	0.117	0.517	0.117	0.117	0.063	0.063
4.	Professor	1.143	1.097	1.143	1.143	1.086	1.086
5.	Professor Madya	0.117	0.163	0.117	0.117	0.504	0.504
6.	Professor Madya	0.117	0.163	0.117	0.117	0.177	0.177
7.	Ketua Hakim Syarie Perak	0.117	0.163	0.117	0.117	0.215	0.215
8.	Hakim Syarie	0.117	0.163	0.117	0.117	0.177	0.177
9.	Ketua Hakim Syarie Malaysia	0.058	0.062	0.058	0.058	0.063	0.063
10.	Ketua Hakim Syarie Melaka	0.058	0.062	0.058	0.058	0.063	0.063
11.	Hakim Syarie	0.117	0.163	0.117	0.117	0.177	0.177
12.	Hakim Syarie	0.058	0.062	0.058	0.058	0.063	0.063
13.	Hakim Syarie	0.117	0.163	0.117	0.117	0.177	0.177
14.	Ketua Hakim Syarie Pahang	0.117	0.163	0.117	0.117	0.177	0.177
15.	Peguam Syarie	0.117	0.163	0.117	0.117	0.177	0.177
16.	Peguam Syarie	0.058	0.230	0.058	0.058	0.063	0.063
17.	Peguam Syarie	0.117	0.163	0.117	0.117	0.177	0.177

18.	Peguan Syarie	0.058	0.062	0.058	0.058	0.063	0.063
19.	Peguan Syarie	0.058	0.062	0.058	0.058	0.063	0.063
20.	Peguan Syarie	0.058	0.062	0.058	0.058	0.063	0.063
	Nilai d setiap item	0.144	0.144	0.195	0.144	0.182	0.190

* Nilai *Threshold* (d) ≤ 0.2 = Terima

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa nilai *Threshold* d bagi setiap item tidak lebih daripada nilai 0.2. Perkara ini menunjukkan bahawa kumpulan pakar kajian menerima setiap item tersebut.

Jadual 6: Dapatan akhir data analisis teknik Fuzzy Delphi konsensus kumpulan pakar

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Fuzzy Evaluation Process</i>				Kesepakatan Pakar
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>	
1	Hifz al-Nasb	0.144	95.00%	0.775	0.915	0.965	0.885	TERIMA
2	Hifz al-Nasb	0.144	95.00%	0.775	0.915	0.965	0.885	TERIMA
3	Hifz al-Nasb	0.195	90.00%	0.735	0.880	0.945	0.853	TERIMA
4	Hifz al-Nasb	0.144	95.00%	0.775	0.915	0.965	0.885	TERIMA
5	Hifz al-Nasb	0.182	90.00%	0.755	0.895	0.950	0.867	TERIMA
6	Hifz al-Nasb	0.190	90.00%	0.715	0.870	0.945	0.843	TERIMA

* Peratusan persetujuan $\geq 75\%$ = Kesepakatan kumpulan pakar kajian

Berdasarkan jadual di atas, dapat diperhatikan nilai *threshold* (d) oleh setiap item adalah kurang ≤ 0.2 iaitu sebanyak 0.144. Perkara ini membawa maksud bahawa pakar kajian memberikan konsensus terhadap item tersebut. Justifikasinya adalah berdasarkan penghujahan daripada Cheng dan Lin yang menyatakan bahawa bagi mendapatkan kesepakatan kumpulan pakar kajian, nilai *threshold* (d) perlu kurang daripada 0.2.³⁹ Selain itu, jadual di atas juga menunjukkan nilai purata nombor fuzzy atau skor fuzzy pada item tersebut melebihi 0.5 dengan nilai sebanyak 0.885. Perkara ini menunjukkan kesepakatan pakar kajian terhadap semua item dalam kaji selidik tersebut. Hal ini demikian kerana, menurut penghujahan oleh Ridhuan bahawa hanya nilai skor fuzzy yang melebihi 0.5 boleh dikira item tersebut mendapat kesepakatan kumpulan pakar kajian.⁴⁰ Menurut Chu dan Hwang kesepakatan pakar boleh diambil kira apabila peratusan kesepakatan pakar melebihi 75%.⁴¹ Berdasarkan jadual di atas juga menunjukkan bahawa nilai peratusan kesepakatan kumpulan pakar kajian bagi semua item melebihi 75%. Dalam erti kata yang lain, kumpulan pakar kajian bersetuju bahawa Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia tidak memenuhi kehendak masalah *hifz al-nasl*.

Oleh demikian, peruntukan hukuman dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia perlu diperhalusi supaya pelaksanaannya lebih holistik dan mencapai matlamat yang dikehendaki oleh syarak. Penerapan unsur tarbiah dan konsep mendidik juga menjadi keutamaan dalam pelaksanaan hukuman tersebut. Buktinya, menurut Pakar 1 (Professor Madya) peruntukan sedia ada secara umumnya tidak dapat dinilai dari sudut angka penjara, sebatan dan denda semata-mata. Hal ini kerana hukuman sedia ada lebih bersifat hukuman tanpa dikaitkan dengan konsep mendidik. Oleh itu, pemerkasaan dari segenap

³⁹ Cheng, C.H. & Lin, Y., "Evaluating the Best Main Battle Tank Using Fuzzy Decision Theory with Linguistic Criteria Evaluation," 174-186.

⁴⁰ Mohd Ridhuan Mohd Jamil, *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*, 182.

⁴¹ Chu, H. C., & Hwang, G. J. (2008). "A Delphi-Based Approach to Developing Expert Systems with The Cooperation Of Multiple Experts". *Expert Systems with Applications*, 34(28), (2008), 26-40.

aspek perlu dilaksanakan agar peruntukan sedia ada lebih bersifat menyeluruh. Sebagai contoh, pemeraksanaan dari sudut pandang hukuman yang turut melibatkan hukuman itu sendiri bersifat mendidik bukan menghukum semata-mata. Enakmen yang berkaitan juga, perlu diperincikan agar bidang kuasa mahkamah Syariah jelas dan lebih meluas.⁴²

Tambahan pula, menurut Pakar 8 (Hakim Syarie), peruntukan hukuman dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia tidak mencapai *maqāṣid al-sharī'ah* walaupun pelbagai kaedah hukuman dan denda tambahan dilaksanakan seperti pemulihan dijalankan sebagai hukuman alternatif. Oleh itu, peruntukan hukuman sedia ada tidak menepati *maqāṣid al-sharī'ah*.⁴³ Menurut Pakar 15 (Peguam Syarie), berdasarkan perkembangan semasa terhadap hukuman bagi kes jenayah syariah serta kesalahan yang didakwa di mahkamah syariah tidak mencapai *maqāṣid al-sharī'ah* kerana hukuman yang diperuntukkan adalah terlalu rendah berbanding hukuman yang ditetapkan dalam nas syarak.⁴⁴

Sekiranya diteliti pada informan pakar empat (Professor) menunjukkan nilai threshold (d) melebihi 0.2. Perkara ini menunjukkan pakar kajian tidak menerima item tersebut. Hal ini demikian kerana, menurut beliau hukuman sedia ada dalam enakmen tersebut mencapai *maqāṣid al-sharī'ah* sekiranya diukur dengan neraca hukuman takzir. Walau bagaimanapun, sekiranya dinilai menggunakan kayu ukur masalah *al-darūriyyāt al-khams* maka hukuman tiga tahun penjara, enam kali sebatan dan denda RM5,000 sudah tentu tidak menepati *maqāṣid al-sharī'ah*.⁴⁵

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan analisis data-data yang telah

⁴² Informan pakar 1 (Professor Madya) dalam temu bual pada 16 September, 2021.

⁴³ Informan pakar 8 (Hakim Mahkamah Rendah Syariah) dalam temu bual bertulis melalui emel, 19 Oktober, 2021.

⁴⁴ Informan pakar 15 (Peguam Syarie) dalam temu bual bertulis melalui emel, 19 September, 2021.

⁴⁵ Informan pakar 4 (Professor) dalam temu bual melalui aplikasi *google meet*, 21 September, 2021.

dikemukakan di atas ia menunjukkan dua puluh pakar kajian bersepakat terhadap elemen *hifz al-nasl* dan item yang telah dikemukakan di atas. Melihat kepada isu-isu berkaitan jenayah syariah dan situasi yang melibatkan jenayah zina amat serius. Sekiranya tidsak dibendung melalui penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat dan komprehensif, nescaya isu ini tidak akan berkesudahan. Lebih teruk lagi, ia akan menjadi polemik yang semakin parah kerana tidak dikekang daripada akar umbi. Penguatkuasaan undang-undang juga perlu selari dengan kehendak dan bertepatan dengan *maqāsid al-sharī'ah*. Pengabaian terhadap *maqāsid al-sharī'ah* dalam implementasi hukuman juga boleh mengakibatkan kerencatan dan lebih teruk lagi menjadi fitnah kepada agama Islam itu sendiri.

CADANGAN

Bagi memastikan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah menepati *maqāsid al-sharī'ah* maka penguatkuasaan undang-undang perlu lebih holistik Sebagai contoh, bagi membendung gejala zina pihak kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu mewajibkan pihak yang menawarkan perkhidmatan penginapan seperti hotel, motel, *homestay* dan rumah sewa untuk memeriksa status perkahwinan pelanggan yang beragama Islam. Bagi merealisasikan perkara tersebut, satu sistem yang lebih canggih seperti aplikasi *mysejahtera* perlu diwujudkan. Pelanggan hanya perlu mengimbas *qr code* dan maklumat berkaitan status perkahwinan termasuk sijil dan maklumat pasangan akan tertera. Melalui cara ini juga, kerajaan perlu berkolaborasi dengan pihak berkuasa agama negeri untuk mendapatkan maklumat berkaitan pendaftaran perkahwinan di Malaysia.

Selain itu, JAKIM juga perlu berkolaborasi dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi mewujudkan sistem yang lebih integrasi (*integrated system*). Melalui sistem ini, umat Islam dikehendaki untuk mendaftar di aplikasi dengan memasukkan butiran perkahwinan termasuk memuat naik sijil perkahwinan. Seterusnya, butiran yang telah dimuatnaik akan diintegrasikan dengan sistem JPN. Setelah dimuatnaik, sistem tersebut perlu disahkan oleh pihak berkuasa agama negeri yang telah didaftarkan

perkahwinan. Sebagai contoh, Abu dan Aminah merupakan pasangan suami isteri yang sah. Mereka berkahwin pada Julai 2017 dan telah mendaftarkan perkahwinan di negeri Kedah. Abu dan Aminah ingin menempah sebuah hotel secara atas talian di Kuala Lumpur, maka Abu perlu memuat turun serta mendaftar masuk Aplikasi ‘*mynikah*’ yang dibangunkan oleh JAKIM.

Melalui aplikasi tersebut, Abu perlu memuatnaik butiran berkaitan perkahwinan mereka. Apabila butiran tersebut telah mendapat perakuan daripada Jabatan Agama Islam Kedah, barulah Abu boleh menempah hotel sama ada secara atas talian atau terus ke kaunter hotel. Dalam erti kata yang lain, pihak pengusaha penginapan hanya perlu memasukkan nombor kad pengenalan pelanggan atau imbas *qr code* bagi mendapat pengesahan status perkahwinan pelanggan. Sekiranya, didapati pihak pengusaha gagal untuk mematuhi syarat ini, serta terdapat pasangan yang ditangkap khalwat di premis milik pengusaha tersebut maka pihak pengusaha akan dikenakan hukuman di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Bagi merealisasikan cadangan ini juga, pengkaji melihat bahawa Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia perlu dipinda dengan ditambah satu klausa berkaitan pengusaha pusat penginapan seperti “pengusaha penginapan yang membenarkan pasangan yang belum berkahwin menginap di premis miliknya adalah satu kesalahan, sekiranya sabit kesalahan dikenakan denda tidak lebih RM5,000, tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali”.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Qādir ‘Awdah, *al-Tashrī‘ al-Jinā‘ī al-Islāmī Muqāran bi al-Qānūn al-Waḍ‘ī*, vol. 2, cetakan ke-14. Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, 2000.
- Ab Razak, Ma Razhanlaily & Salasiah Hanin Hamjah, “Faktor zina dan kesannya dalam kehidupan remaja,” *Jurnal Sains Insani* (2017), 1-9.
- Acts 574. Laws of Malaysia. Penal Code. Pindaan 2017.
- Al-Fayyumī, Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*. Qāhirah: Mu’assasah al-Mukhtār, 2008.

- Al-Ghazalī, Abū Ḥamīd. *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, ed. ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2008.
- Al-Shāṭibī, Abī Ishāq, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah*, vol. 2. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2006.
- Anwar Shariffudin. “Pasangan Dicekup Khalwat Bagi Alasan Mahu Rehat Sekejap.” *Sinarharian*, 22 Dec. 2020, www.sinarharian.com.my/article/115863/EDISI/Pasangan-dicekup-khalwat-bagi-alasan-mahu-rehat-sekejap. Accessed 13 Mar. 2022.
- Cheng, C.H. & Lin, Y. “Evaluating the Best Main Battle Tank Using Fuzzy Decision Theory with Linguistic Criteria Evaluation.” *European Journal of Operational Research* 142, no. 1 (2002), 174-186.
- Chu & Hwang, GJ, *Delphi-Based Approach to Developing Expert System with Cooperation of Multiple Experts. Experts System with Applications*, 2008.
- Enakmen Kesalahan Syarī‘ah, Negeri Melaka
- Hafīfi Hassim. “*Ḥifz al-Nasb*: Analisis Terhadap Peruntukan Kesalahan Tatasusila dalam Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia.” *Jurnal Hal Ehwal Warisan Islam* (2017), 3-4.
- Ibn ‘Āshūr, Muḥammad al-Ṭāhir, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, vol. 2. Tunisia: Dār Sahn, 1997.
- Ibn ‘Āshūr, Muḥammad al-Ṭāhir, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islamiyyah*, ed. Muḥammad al-Ḥabīb. Qatar: Wizārah al-Waqf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 2004.
- Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*. Bayrūt: Maktabah Tahqīq al-Turāth, 1993.
- Jida’ Rajab Siyām, Najm al-Dīn Qadīr Karīm. *Maqṣad Ḥifz al-Nasl wa Athāruhu fī Takyīf al-Mustajadat al-Tabiyyah fī al-Fiqh al-Islāmī* 15, no. 2. Dubai: Majallah Jami‘ah al-Shariqah, 2018.
- Mohd Hafiz Abdul Rahman, “Masih ramai yang berzina.” Dicapai pada 6 Mac 2022, melalui laman sesawang: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/11/279818/masih-ramai-yang-berzina>, 2022.

- Mohd Hafiz Abdul Rahman, “Masih ramai yang berzina.” Dicapai pada 6 Mac 2022, melalui laman sesawang: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/11/279818/masih-ramai-yang-berzina>, 2022.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, *Kepelbagaian Metodologi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Shah Alam: Qaisar Prestige Resources, 2021.
- Muhammad bin Ya‘qūb al-Fīrūz al-Abadī. *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, 1971.
- Muhammad. “Jenayah Syariah Semakin Berleluasa.” Sinarharian, 2 Nov. 2021, www.sinarharian.com.my/article/170112/BERITA/Nasional/Jenayah-syariah-semakin-berleluasa. Dicapai pada 14 Mac. 2022.
- Muṣṭafā al-Khīn et al., *al-Fiqh al-Manhajī ‘ala Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, vol. 8. T.p.: Pustaka Salam, 2010.
- Paizah Ismail, “Keperluan Memahami Maqāṣid al-Sharī‘ah dalam Membina Fiqh Semasa.” Makalah, Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2003.
- Rohani Abdul Karim, Setengah juta anak tidak sah taraf, dicapai pada 13 Mac 2022, melalui laman sesawang: <https://api.hmetro.com.my/node/180793>, 2016.
- Ruziana Masiran. “Budak ‘Bertiktok’ Boleh Jadi Ketagih, Sasaran Pedofil.” Harian Metro, New Straits Times, June 2021, www.hmetro.com.my/rencana/2021/06/712508/budak-bertiktok-boleh-jadi-ketagih-sasaran-pedofil. Dicapai pada 13 Mac. 2022.
- Sayyid Muhammad Murtaḍā al-Ḥusaynī al-Zabidī. *Tāj al-‘Arus min Jawāhir al-Qāmūs*. Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1971.
- Sinar Harian. “Statistik Remaja Hamil.” Sinarharian, 4 Mac 2019, www.sinarharian.com.my/article/16145/INFOGRAFIK/Statistik-remaja-hamil. Dicapai pada 13 Mar. 2022.
- Wahbah al-Zuḥaylī. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, vol. 7, terj. Abdul Hayyie Al-Kattani, ed. Arif Muhajir. Jakarta: t.p., 2011.

- Wahbah al-Zuhaylī. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, vol. 7. Dimashq: Dār al-Fikr, 1989.
- Zainul Rijal. “Membanteras Zina Tanggungjawab Bersama.” *Sinarharian*, 7 Februari 2019, www.sinarharian.com.my/article/11702/KOLUMNIS/banteras-zina. Dicapai pada 13 Mac. 2022.
- Zainul Rijal. “Pengharaman Khalwat Cegah Zina.” *Sinarharian*, 26 April 2019, www.sinarharian.com.my/article/25370/KOLUMNIS/Pengharaman-khalwat-cegah-zina. Dicapai pada 14 Mac. 2022.
- Zainur Rashid Zainuddin, “150 kes sehari! Isu ibu hamil luar nikah semakin barah,” dicapai pada 10 Mac 2022, melalui laman sesawang: <https://ismaweb.net/2020/12/27/150-kes-sehari-isu-ibu-hamil-luar-nikah-semakin-barah/>, 2020.
- Zuliaty Zulkiffli. “Pasangan Baru Kenal Dua Bulan Dicekup Berkhalwat.” *Berita Harian, Berita Harian*, 11 Aug. 2021, www.bharian.com.my/berita/kes/2021/08/849744/pasangan-baru-kenal-dua-bulan-dicekup-berkhalwat. Dicapai pada 13 Mac. 2022.

Senarai Temu bual

- Informan Pakar 1. (Professor Madya) dalam temu bual pada 16 September, 2021.
- Informan Pakar 15. (Peguam Syarie negeri Selangor) dalam temu bual bertulis melalui emel, 19 September, 2021.
- Informan pakar 4. (Professor) dalam temu bual melalui aplikasi *google meet*, 21 September, 2021.
- Informan Pakar 8. (Hakim Mahkamah Rendah Syariah) dalam temu bual bertulis melalui emel, 19 Oktober, 2021.